

**BAHASA MELAYU:
DILEMA ANTARA LAMBANG DAN BUNYI***

ABDUL AZIZ IDRIS
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat yang dialami oleh Bahasa Melayu (BM)¹ sejak kebelakangan ini telah menimbulkan suatu dilema di kalangan penuturnya. Dilema yang dihadapi adalah berkaitan dengan kedudukan dan peranan lambang dan bunyi di dalam penyebutan kata² dalam BM. Persoalan yang timbul ialah sama ada sesuatu perkataan BM asli atau serapan perlu disebut seperti dieja, atau disebut seperti lazimnya disebut oleh penutur BM, iaitu sebutan yang berdasarkan sistem bunyi serta semangat dan jiwa penuturnya.

Di dalam konteks pembinaan sebutan baku persoalan ini telah menimbulkan dua golongan pemikir bahasa di Malaysia: golongan 'sebut seperti dieja' – sebutan fonemik (SF) – dan golongan 'sebut seperti dijiwai' (SJ).

LAMBANG DAN BUNYI

Makalah ini akan membicarakan dua jenis dilema, iaitu (i) dilema lambang dan bunyi dalam penyebutan bunyi di dalam perkataan Melayu, dan (ii) dilema lambang dan bunyi dalam penyebutan bunyi di dalam perkataan yang diserapkan dari bahasa Inggeris. Dilema ini mempunyai punca yang berlainan dan mempunyai akibat yang berlainan pula.

LAMBANG DAN BUNYI DALAM PENYEBUTAN PERKATAAN MELAYU

Ada beberapa sebab yang mungkin mengakibatkan timbulnya masalah ini. Di antaranya ialah (i) salah tanggapan akan konsep dan peranan lambang bunyi dalam bahasa, (ii) usaha menusanterakan BM dengan menggunakan sebutan BI sebagai acuan, dan (iii) ketidaksedaran di kalangan pihak-pihak tertentu akan peranan sebutan di dalam memberikan 'kepuasan' dan 'identiti' kepada penuturnya.

Salah tanggapan sehubungan dengan konsep dan peranan lambang bunyi, mungkin timbul dari satu perenggan tulisan K.L. Pike (1968 : 7) yang berbunyi seperti berikut:

'Once the native learns an orthography which is closely related with his sound units, there is no "spelling problem. Everying is spelled as it is pronounced and

*Bentuk asal kertas ini telah dibentangkan di dalam bengkel TEORI SEBUTAN DAN SISTEM EJAAN RUMI anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaya, 19 - 20 November 1984. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Saudara Dr. Azhar M. Simin yang telah memberi beberapa pandangan kepada draf kasar kertas ini. Kesilapan yang mungkin masih terdapat tidak akan dipertanggungjawabkan kepadanya.

pronounced as it is spelled. There are no "silent letters" no series of words like *cough, hiccough, through* where the same letters represent different sounds'.

Jika perhatian kita ditumpukan kepada ayat 'Everything is spelled as it is pronounced, and pronounced as it is spelled' jelaslah bahawa bagi tiap-tiap satu lambang hanya ada satu bunyi dan begitu juga sebaliknya. Tetapi, jika kita lihat petikan ini di dalam konteksnya, iaitu, konteks 'practical phonemics', cara 'memasak' data fonetik (yang meliputi kesemua bunyi sesuatu bahasa) dengan tujuan melahirkan satu sistem lambang yang terhad bilangan ahlinya (fonem) untuk tujuan tulisan, jelaslah bahawa Pike tidak bermaksud demikian (satu bunyi satu lambang)³. Ini ketara di perenggan yang lain di halaman yang sama.

'The sounds of a language are automatically and unconsciously organized by the native into structural units, which we call PHONEMES. One of these sound units may have as submembers numerous slightly different varieties which a trained foreigner might detect but which a native speaker may be unaware of'.

(1968 : 57)

Unit bunyi yang dinamakan 'phoneme' oleh Pike ini berkemungkinan mempunyai lebih dari satu manifestasi fonetik⁴. BM, sebagai bahasa yang diucapkan, iaitu, penuturnya 'mengucapkan bahasa menggunakan bunyi' (Umar Yunus, 1983: 6) menunjukkan kenyataan ini; sungguh pun seperti kata Pike, mereka mungkin tidak menyedarinya⁵.

Berikut ialah beberapa fonem BM bersama alofon yang terhad penyebarannya.

- | | | | | |
|-----------------|-----------|--------|-----------|---|
| | _____ | K | (#) | 6 |
| 1/ [+ tinggi] | —————> | | (K) | |
| Contoh: | / pilih / | —————> | [pileh] | |
| | / titik / | —————> | [tite?] | |
| | / puluh / | —————> | [puloh] | |
| | / buruk / | —————> | [buro?] | |
| 2/ /k/ | —————> | | | # |
| Contoh: | / tidak / | —————> | [tida?] | |
| | / putik / | —————> | [pute?] | |
| | / usik / | —————> | [use?] | |
| 3/ /r/ | —————> | /φ/ | —————> | # |
| | / ukur / | —————> | [uko] | |
| | / lapor / | —————> | [lapo] | |
| | / bakar / | —————> | [baka] | |

Keempat-empat fonem di atas mempunyai sekurang-kurangnya dua alofon, satu alofon asas [u, i, k dan r] dan satu alofon yang terhad penyebarannya [o, e, ? dan O]. Kedua-duanya mempunyai dan ditentukan oleh lengkungan fonologinya.

Rumusan 1, 2 dan 3 di atas pada dasarnya terdapat di dalam keempat-empat kumpulan dialek Melayu⁷. Manifestasi fonetik fonem-fonem tersebut di dalam lingkungan fonologi tertentu yang berlaku di dalam BM dan dialek-dialeknya adalah hasil dari kenyataan bahawa BM seperti yang digunakan di Malaysia adalah bahasa yang 'dibunyikan' bukan bahasa yang 'diejakan'. Sebagai bahasa yang 'dibunyikan' BM merupakan bahasa yang 'natural' bagi penuturnya; natural dari segi sistemnya dan natural dari segi fungsinya sebagai alat perhubungan dan alat yang memberikan identiti kepada penuturnya. Oleh itu usaha kita mengadakan satu bentuk sebutan baku perlulah berdasarkan BM yang dibunyikan serta aspek sosio-psikolinguistik penuturnya. Landasan-landasan ini dapat dipertahankan keilmiahannya bukan sahaja dari segi linguistik tetapi juga dari segi sosio dan psikolinguistik.

Dalam membicarakan hal sebutan baku kita tidak dapat lari dari kenyataan bahawa selain dari di Malaysia terdapat juga bahasa Melayu Indonesia (BMI) yang dituturkan oleh lebih kurang 100 juta manusia. Oleh itu terdapat golongan yang menyarankan usaha mengadakan sebutan baku mestilah dibuat di dalam konteks yang melangkaui batasan geo-politik Malaysia. Lanjutan darinya terdapat usaha menusanterakan BM atas alasan penutur BMI jauh lebih ramai dari penutur BM (Asmah Haji Omar, 1978) dan tidak adanya keseragaman sebutan perkataan-perkataan tertentu di dalam BM (Johore — Riau) (Asraf, 1983). Sebutan baku yang dicadangkan di dalam konteks ini ialah sebutan fonemik (satu lambang, satu bunyi) atau kata diucapkan sebagaimana yang dieja, dan tidak ada huruf yang senyap (Asraf, 1962 dan 1983)⁸. 'Sebutan fonemik' mungkin tidak menimbulkan dilema bagi penutur BMI. BMI, bagi penuturnya adalah 'bahasa ejaan'. Umar Yunus (1983 : 6) menyatakan:

'Ia [BMI] berkembang dari bahasa hikayat yang dituliskan dan kemudian digunakan secara tulisan, pembacaan dari suatu yang tertulis ... Dengan itu, BMI bagi kebanyakan pemakai BMI adalah "pembacaan suatu teks (tertulis)" dan bukan "pengucapan suatu bahasa", iaitu bila mereka mengucapkan bahasa menggunakan bunyi'.

BMI berkembang melalui lambang (tulisan). Oleh itu adalah wajar baginya disebut seperti dieja, dan tidak ada alofon-alofon seperti terdapat di dalam bahasa yang berkembang melalui 'pembunyian'⁹.

'Sebutan fonemik' akan menimbulkan dilema bagi penutur BM. Penutur BM 'tahu' bahawa satu lambang bunyi tidak semestinya berkorelasi dengan hanya satu bunyi. Saranan 'sebutan fonemik' akan mengganggu-gugat apa yang diketahui oleh penutur BM akan bahasanya dan lantasan itu jiwa dan identiti yang ada pada bahasa tersebut.

LAMBANG DAN BUNYI DALAM PENYEBUTAN PERKATAAN YANG DISERAPKAN

Penyerapan istilah-istilah sains dan teknologi dari bahasa Inggeris ke dalam BM yang begitu pesat menimbulkan dilema yang agak berlainan pula. Persoalan pertama ialah sama ada perkataan yang diserapkan perlu disebut seperti dieja atau disebut seperti lazimnya disebut di dalam bahasa asalnya. Persoalan yang kedua yang tidak

banyak dibincangkan ialah sejauh manakah penyerapan perkataan-perkataan ini dibenarkan mengganggu-gugat sistem bunyi BM¹⁰.

Pedoman-pedoman – *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia* dan *pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia* – telah dikeluarkan untuk menghadapi fenomena ini. Di samping itu beberapa pengisytiharan telah dibuat untuk membimbing perancang bahasa. Di antaranya ialah:

1/ 'Penyebutan atau lafaz bagi kata/istilah pinjaman hendaklah disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Malaysia – iaitu memberikan nilai bunyi bagi setiap huruf sesuai dengan fonem yang dilambangkan'.

(Majlis Bahasa Indonesia – Malaysia)

2/ 'Penulisan istilah ini sedapat-dapatnya hendaklah mengutamakan ejaannya dalam bahasa sumber dan penyebutannya disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Malaysia'.

(Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia)

Pengisytiharan 1 masih lagi menidakkan hakikat bahawa sesuatu fonem itu boleh mempunyai lebih dari satu pelafazan. Walau bagaimanapun, oleh sebab panduan ini terhad kepada istilah serapan, yang masuk ke dalam budaya dan bahasa Melayu melalui tulisan, konsep satu fonem satu bunyi boleh rasanya diterima. Halnya adalah sama dengan penyerapan BM ke dalam budaya Indonesia. Tambahan pula, sejarah perkembangan BM pada peringkat awal menunjukkan ketekalan yang tinggi bagi masyarakatnya menyebut kata serapan seperti dieja, seperti jelas terlihat di dalam sebutan perkataan 'bola', 'maha', 'doa', 'nona', 'malaria', 'akta' dll. Di dalam hal ini rata-rata golongan SF dan SJ sependirian – menolak sebutan asalnya iaitu sebutan ala-Inggeris. Sebutan asal perkataan-perkataan serapan adalah mengikut sistem bunyi bahasanya. Dengan menyebut perkataan serapan seperti sebutan asalnya kita telah menyerapkan satu unsur yang bukan Melayu ke dalam BM. Saranan supaya perkataan-perkataan serapan disebut secara asalnya bukan sahaja tidak dapat dipertahankan dari segi fonologi BM tetapi juga dari segi maruah dan keperibadian masyarakat penuturnya.

Bahasa Jepun ialah satu bahasa yang paling terbuka kepada kemasukan perkataan asing, terutama perkataan Inggeris. Sungguh pun demikian perkataan serapan ini dijepunkan supaya sesuai dengan sistem bunyinya dan sejiwa dengan semangat penuturnya. Perkataan Inggeris 'wonderful' misalnya dijepunkan menjadi [wanda-furu].

Pengisytiharan (2) lebih merunsingkan. Oleh sebab pedoman ini mengutamakan ejaan bahasa sumber, atau dengan kata lain mengutamakan bentuk visualnya, kini sudah lahir perkataan Melayu yang 'bertentangan dengan sistem bunyi bahasa Melayu' (Ainon Muhamad, 1983 : 4). Ainon Muhamad menyenaraikan sembilan jenis unsur baru fenomena ini. Di antaranya ialah gugusan konsonan di awal dan akhir kata (bdelium, blok, brek; golf, napalm, ambulans, skirt, eksport), gugusan vokal (protein, kuorum, diesel), gugusan konsonan-sama yang melambangkan kepanjangan (llama, watt) dan huruf-huruf senyap (psikologi, knot, mnemonik).

Ciri-ciri di atas adalah bertentangan dengan sistem bunyi (fonologi) BM dan yang paling aneh ialah ia bertentangan pula dengan pengisytiharan (i) yang mengatakan penyebutan istilah pinjaman hendaklah dengan 'memberikan nilai bunyi bagi setiap huruf sesuai dengan fonem yang dilambangkan'. Dilema antara lambang dan bunyi, jelas kelihatan dari kedua-dua pengisytiharan ini.

Ainon Muhamad (1983) mencadangkan supaya kenyataan sejarah ini diterima sahaja. Sebenarnya kita perlu mempersoalkan 'kenyataan sejarah' ini. patutkah kita terus menerima kenyataan bahawa BM hari ini, di dalam hal kata serapan tidak lagi fonemik dan kemudiana membiarkan kontradiksi yang ketara ini berlanjutan?

Saya rasa pencinta BM dan ahli bahasa BM perlu mencari penyelesaian yang sesuai untuk mengelakkan berlanjutnya 'kekacauan' dan 'kerusakan' yang terdapat pada BM. Dasar visual yang menjadi asas pembentukan istilah tidak akan terganggu jika perkataan-perkataan serapan dimelayukan mengikut sistem bunyinya. Di dalam proses memelayukan perkataan-perkataan sedemikian ada beberapa pilihan yang mungkin dapat diambil, iaitu: 1/ menggugurkan unsur-unsur yang tidak mengikut sistem bunyi BM, 2/ mengambil pilihan 'phonetic compromise' (Sapir, 1924 : 197) di dalam kes-kes di mana fenomena berkenaan berlaku juga di dalam BM, tetapi di dalam lingkungan yang berlainan, dan 3/ menerima bentuk yang mempunyai pasangan minimal. Lanjutan dari itu, apa jua pilihan yang diambil fonem-fonem yang membentuk kata tersebut mestilah boleh dilafazkan.

Sebagai misalan kita boleh menggugurkan konsonan pertama di dalam gugusan seperti 'bdleium', 'czigani', 'ftalimida', 'psikologi' dll., atas dasar gugusan sedemikian tidak terdapat dalam bentuk apa pun di dalam BM. Tambahan lagi di dalam bahasa asalnya pun ia tidak dibunyikan. Di dalam hal gugusan konsonan di awal kata seperti 'blok' 'brek', 'draf', 'stamina' dll. kita boleh mengambil pilihan 'phonetic compromise' dengan menerimanya sebab gugusan konsonan di awal kata di dalam kes-kes tertentu terdapat di dalam ucapan cepat BM. Di dalam hal di mana istilah serapan itu mempunyai pasangan minimal seperti 'kuota' lwn. 'kota'; 'motar' lwn. 'mortar' barulah mungkin kita mengambil pilihan menerimanya bulat-bulat¹¹.

KE ARAH SEBUTAN BAKU

Pada ketika ini belum ada lagi satu sebutan BM baku. Yang ada ialah sebutan yang berpotensi menjadi sebutan baku. Di dalam konteks BM – BMI ada dua jenis sebutan bahasa Melayu yang sedang menuju ke arah sebutan baku, iaitu, sebutan BM yang berdwipusat (yang dinamakan *kelainan pepet* dan *kelainan-a*) dan sebutan BMI yang terjelma melalui ejaan.

Di dalam konteks Malaysia, BM yang berdwipusat ini sedang menuju ke arah kebakuan kerana sistem pendidikan, media massa (radio dan televisyen) serta mobiliti penuturnya telah berjaya sedikit sebanyak mengurangkan perbezaan yang terdapat. Mungkin pada suatu ketika dahulu idaman sebutan BM yang baku merupakan satu 'fiksi' atau pun 'mitos', tetapi kini ia sedang menuju ke arah satu realiti. Sungguh pun BM pada hari ini belum lagi seratus peratus sempurna, sekurang-kurangnya ia dapat digunakan di dalam situasi rasmi yang dihadiri oleh penutur

yang berlatarbelakangkan dialek-dialek yang berlainan. Tambahan lagi BM seperti yang ada pada hari ini sudah mula menjadi jiwa dan semangat penuturnya, yang bukan sahaja terdiri dari kaum Melayu tetapi juga dari kaum-kaum lain.

Lantasan dari itu tunas-tunas BM yang baku yang mengambil masa begitu lama untuk tumbuh, janganlah hendaknya dipatah-patahkan dengan alasan terdapat kecacatan padanya, tidak sesuai sebagai alat pengantar ilmu pengetahuan atau tidak sejajar dengan sebutan satu ratus juta manusia lain. Universiti-universiti di negara ini yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantarnya menunjukkan keupayaan BM sebagai alat penyampai ilmu. Alasan ketidaksejajaran sebutan BM dengan BMI juga tidak dapat diterima. Kita dapat memahami — sungguh pun mungkin selepas seketika — sebutan saudara kita dari Indonesia, dan demikian juga sebaliknya¹². Yang menjadi masalah ialah perbezaan kosa kata dan struktur ayat yang terdapat di kalangan dua penutur bahasa Melayu yang terbesar ini. Ringkasnya, BM perlu dipelihara, diperbaiki cacat celanya dan tidak kurang penting dilindungi dari unsur-unsur asing yang merosakkannya.

Sungguh pun demikian kita perlu menyedari hakikat bahawa Bahasa Melayu mempunyai penutur yang mempunyai latar belakang yang berlainan. Di samping itu bahasa Melayu akan terus menerima istilah-istilah asing untuk keperluan sesebuah masyarakat moden. Di dalam keadaan seperti ini apa yang diperlukan ialah panduan sebutan yang berdasarkan lingkungan.

Di dalam penyebutan kata bahasa Melayu terdapat tiga jenis lingkungan, iaitu, lingkungan fonologi (bunyi), lingkungan morfologi (kata) dan lingkungan sosio-budaya.

Dari aspek lingkungan fonologi, penutur BM perlulah sedar bahawa di dalam penyebutan kata Melayu asli satu lambang bunyi berkemungkinan mempunyai lebih dari satu manifestasi fonetik berdasarkan kedudukannya di dalam kata. Ini bukan sahaja benar bagi BM dwipusat tetapi benar juga bagi dialek-dialeknya.

Dari aspek lingkungan morfologi penutur BM perlu sedar bahawa di dalam hal kata serapan, sebutan hendaklah dilandaskan kepada dasar satu lambang bunyi mempunyai satu dan hanya satu sebutan.

Dari aspek sosio-budaya pula penutur BM perlu sedar bahawa ada dua jenis kelainan yang digunakan di Malaysia, iaitu, kelainan pepet dan kelainan-a. Di antaranya tidak ada yang lebih elit atau lebih disanjung. Di samping itu dari aspek sosio-budaya juga terdapat satu lagi variasi sebutan bahasa Melayu, iaitu, sebutan BMI yang berlandaskan 'sebutan fonemik' — satu lambang bunyi mempunyai satu dan hanya satu sebutan.

Dengan adanya panduan sebutan seperti ini — yang semestinya dibentuk secara sistematik dan terperinci serta mendapat pendedahan yang meluas di sekolah, media massa dan kamus BM — masalah komunikasi yang mungkin timbul oleh sebab kelainan sebutan atau kesalahan sebutan akan dapat dikurangkan.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, di dalam usaha mengevolusikan sebutan BM yang baku ketetapan-ketetapan yang diambil hendaklah bertitik-tolak dari BM sendiri. Khusus-

nya, ketetapan yang diambil hendaklah berdasarkan sistem fonologinya serta jiwa dan semangat penuturnya. Saranan ini dibuat dengan harapan agar BM seperti yang terdapat pada hari ini dengan ciri-ciri yang memberikan identiti kepadanya, tidak hilang dilanda arus pengaruh bahasa senusantara atau bahasa-bahasa antara bangsa. Kini pun, unsur-unsur yang bukan menunjukkan sifat-sifat sistem bunyi BM telah mula menjelma. Tidakkah terlalu lewat bagi kita membendung unsur-unsur seperti ini.

Akhir sekali adalah menjadi kenyataan hidup bahawa dunia ini semakin kecil, nusantara kita ini semakin kecil dan demikian juga Malaysia ini. Idaman satu bahasa standard, satu sebutan baku se Malaysia dan seterusnya senusantara mungkin akan tercapai satu hari nanti melalui proses pengecilan dunia ini. Ketetapan-ketetapan yang diambil janganlah hendaknya bertujuan merevolusikan sebutan baku tetapi sebagai bimbingan agar evolusi ke arahnya tidak terkeluar dari landasan sistem fonologinya serta semangat dan jiwa penuturnya.

NOTA

- 1/ Bahasa Melayu yang dimaksudkan di sini ialah Bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu.
- 2/ Kata Melayu asli dan serapan.
- 3/ Sistem perlambangan yang berbentuk satu bunyi satu lambang hanya perlu untuk peringkat "practical phonetics", dan tidak praktik sebagai satu sistem ejaan.
- 4/ Manifestasi fonetik ini dikenali juga dengan nama "alofon". Hanya alofon dapat dibunyikan manakala fonem oleh sebab sifat abstraknya tidak mungkin dapat dibunyikan.
- 5/ Satu ujian yang boleh dijalankan untuk memastikan sama ada penutur BM "tahu" akan hakikat ini ialah dengan memintanya menyebut / pilih. / - [pilih], iaitu seperti dieja. Sebutan ini sudah tentu akan dikatakan tidak sebutan Melayu jati.
- 6/ Disesuaikan dari Farid M. Onn (1980 : 20).
- 7/ Lihat Farid M. Onn (1980 : 71 - 75).
- 8/ Rujuk kembali penerangan saya mengenai konsep fonemik seperti yang disarankan oleh K.L. Pike di awal kertas ini.
- 9/ Jika ada, alofon ini timbul hasil dari pengaruh dialek penuturnya.
- 10/ Ainon Muhamad (1983), sepanjang pengetahuan saya, ialah orang yang mengemukakan masalah ini.
- 11/ Azhar M. Simin mencadangkan dipilih bentuk yang mengikut sistem bunyi BM sahaja, sebab satu perkataan boleh mempunyai dua makna yang berlainan. Misalnya: 'bank' dalam Bahasa Inggeris.
- 12/ Kedudukannya adalah sama di dalam perhubungan antara penutur Bahasa Inggeris di England dengan penutur Bahasa Inggeris di Amerika atau di Australia. Anehnya tidak ada pula usaha-usaha ke arah menjadikan sebutan Bahasa Inggeris di England, Amerika dan Australia satu kesatuan yang baku.

RUJUKAN

- Ainon Muhamad, 1983. "Unsur-unsur Baru dalam Fonologi Bahasa Melayu Mutakhir dan Pengaruhnya dalam Perkembangan Lafaz dan Sistem Ejaan dengan Rujukan Khusus kepada Kata-kata Pinjaman Inggeris". Kertas Kerja Seminar Fonologi Melayu, DBP (28 - 30hb. Oktober, 1983).
- Asmah Haji Omar. 1978. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf b. Haji Wahab. 1962. Bunyi Bahasa Melayu dalam Ucapan. *Memoranda*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Asraf b. Haji Wahab. 1983. Pembinaan Bahasa untuk Menghilangkan Kesan Penjajahan Kebudayaan. *Dewan Bahasa*, 27, 9 : 650 - 653,

- Awang Sariyan. 1983. "Telaah Ringkas Pembakuan Sebutan Bahasa Melayu". Kertas Kerja Seminar Fonologi Melayu, DBP. (28 - 30hb. Oktober, 1983).
- Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pike, Kenneth L. 1968. *Phonemics*. Ann Arbor: Universiti of Michigan Press.
- Sapir, E. 1921. *Language*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Umar Junus. 1983. "Fonetik, Fonemik dan Tulisan: Satu Pandangan Semiotik". Kertas Kerja Seminar Fonologi Melayu, DBP (28- 30hb. Oktober, 1983).